

Penerbangan:— Kerajaan sedia belanja

Oleh BUSTAMAM AHMAD

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata Kerajaan menyediakan kemudahan penerbangan bagi mempercepatkan lagi proses pembangunan negara.

Kerajaan juga, jelas Perdana Menteri, sanggup membelanjakan wang bagi membaiki kemudahan penerbangan, yang bukan lagi perkhidmatan mewah tetapi kini menjadi keperluan.

"Kita sedang membelanjakan wang yang banyak untuk membesarkan lapangan-lapangan terbang dan kemudahan lain. Jenis pesawat yang bakal digunakan akan ditingkatkan.

"Khidmat penerbangan bukan lagi khidmat mewah tetapi keperluan. Kadangkala ia juga dapat menyelamatkan nyawa.

"Sekarang ini, untuk menunaikan ibadat haji atau membuat umrah juga dimudahkan dengan penggunaan kapalterbang. Oleh itu, Kerajaan sanggup membelanjakan wang untuk kemudahan penerbangan," jelasnya.

Perdana Menteri berkata demikian di majlis menepung tawar pesawat MAS terbaru jenis B747 di Lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang, dekat sini, hari ini. Beliau berharap rakyat akan menghargai dan menggunakan segala kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan.

"Jagalah segala kemudahan ini sebagai pusaka negara dan cerminkanlah sifat dan budaya kita dalam penggunaannya setiap masa.

"Sepertimana kita tidak suka orang yang terdahulu dari kita meninggalkan kemudahan awam dalam keadaan kotor dan rosak, begitu jugalah kita harus fikir terhadap orang yang akan menggunakannya selepas kita.

"Dengan demikian, kita bukan sahaja menolong diri kita sendiri tetapi juga menyelamatkan wang negara," tegas Perdana Menteri.

Terdahulu, Pengerusi MAS, Raja Tan Sri Mohar Raja Badlozaman memberitahu sebuah lagi pesawat yang serupa dijadualkan tiba minggu depan dan perbelanjaan membeli kedua pesawat tersebut ialah \$415 juta.

Kedua pesawat itu, jelasnya, akan mengambilalih perkhidmatan ke Eropah dan Australia, yang kini menggunakan pesawat DC-10.